



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 23 SEPTEMBER 2018

- 1. PERLU 3000 HEKTAR TANAM NANAS MD2**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 2. SASAR EKSPORT NANAS MD2 KE EROPAH**
 - **SINAR HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

Perlu 3,000 hektar tanam nanas MD2

JOHOR BAHRU 23 Sept. - Dalam usaha meningkatkan pengeluaran nanas premium MD2 secara komersial terutamanya untuk tujuan eksport, negara memerlukan kira-kira 3,000 hektar tanah lagi bagi penanaman komoditi itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pada masa ini keluasan tanaman berkenaan hanya melibatkan 2,000 hektar di seluruh negara dan kebanyakannya di negeri ini.

Menurutnya, usaha meluaskan lagi kawasan tanaman nanas tersebut digiatkan bagi memenuhi permintaan dari negara luar, antaranya Jepun, Korea Selatan, negara-negara Arab, Singapura, China dan yang terbaharu, Kuwait.

"Potensi nanas MD2 ini sangat besar dan selain memenuhi permintaan ke negara itu, kita juga merancang memasuki pasaran Eropah dan usaha bagi tujuan tersebut sedang giat dijalankan oleh pihak terlibat.

"Justeru, bagi memenuhi keperluan eksport pada masa akan datang, kita menasaskan kawasan penanaman nanas MD2 itu seluas 5,000 hektar dan sekarang kita ada 2,000 hektar," ka-



SALAHUDDIN AYUB (tiga dari kiri) menunjukkan buah nanas MD2 semasa melawat ke Pusat Pembungkusan Nanas MD2 di Ulu Tiram, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

tanya selepas melawat ladang dan Pusat Pembungkusan Nanas MD2 milik Kulim (Malaysia) Bhd., di Ulu Tiram dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehuddin Hassan; Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Datuk

Mohd. Anim Hosnan serta Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) kini proaktif memperluaskan tanaman tersebut termasuk ke Sabah dan Sarawak

yang menunjukkan minat untuk menanam nanas MD2.

Sementara itu, beliau berkata, negara menasaskan sebanyak 100 kontena iaitu 1,800 tan metrik pengeluaran nanas MD2 sebulan, termasuk 50 kontena atau 900 tan metrik bagi memenuhi permintaan pasaran dari China.

OTM 24.9.18

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

NASIONAL

Sasar eksport Nanas MD2 ke Eropah

ULU TIRAM - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bercadang meluaskan eksport nanas MD2 ke pasaran Eropah dalam masa terdekat.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, hasrat tersebut selaras dengan permintaan tinggi diterima pengusaha selepas tanaman hibrid berkenaan berjaya menunjukkan hasil positif di pasaran antarabangsa.

"Kita lihat potensi nanas jenis ini mempunyai peluang yang besar untuk dikembangkan kerana ia mendapat permintaan yang tinggi daripada negara eksport kita.

"Kita cuba masuk pasaran Eropah selepas ini, kementerian pertanian bersama kementerian perdagangan antarabangsa sentiasa bekerjasama untuk mencari pasaran baharu bagi memastikan sasaran eksport 100 kontena membabitkan 18,000 tan nanas dapat dilakukan ke luar negara setiap bulan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas lawatan kerja di Ladang dan Pusat Pembungkusan Nanas MD2 Kulim (Malaysia) Berhad, di sini, semalam.



Salahuddin (kiri) ketika membuat lawatan kerja di Ladang dan Pusat Pembungkusan Nanas MD2 Kulim (Malaysia) Berhad, semalam.

Pasaran antarabangsa nanas MD2 kini sudah memasuki pasaran Emeriah Arab Bersatu (UAE), Oman, Iran, Mesir, Arab Saudi, Jordan, Pakistan, Turki, Singapura, dan Korea Selatan.

Salahuddin berkata, dua lagi negara iaitu China dan Kuwait juga menunjukkan ruang untuk perolehan pasaran yang baik.

"Di China, lesen kita baharu dapat September tahun lalu, jadi prosesnya untuk kita ikut semua spesifikasi sudah selesai. Kita sasarkan pengeluaran eksport 50 kontena bersamaan 900 tan boleh dilakukan untuk tahun hadapan.

"Kuwait pula kita akan hantar dua kontena pertama hari ini (semalam), iaitu 36 tan dengan nilai eksport sebanyak RM140,000," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, pihaknya meminta pengusaha nanas agar mengekalkan kualiti dan mutu buah-buahan berkenaan.

"Cabaran utama adalah menjaga mutu kualiti dan jangan cuai atau memilih jalan singkat untuk menembusi pasaran eksport.

"Bukan mudah untuk menembusi pasaran luar negara kerana kawalan mutu dan kualiti yang ketat, jadi perkara ini harus sentiasa diawasi," katanya.